

# UniMAP CIPTA PERANTI KESAN NYAMUK AEDES

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kini dalam proses membangunkan gajet atau peranti untuk mengesan kehadiran nyamuk aedes betina yang bertujuan mengurangkan masalah wabak denggi. Pengarah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik, Profesor Dr. Uda Hashim, berkata peranti itu boleh mengesan kehadiran nyamuk aedes betina berasaskan gelombang akustik yang dihasilkan menerusi bunyi sayap nyamuk. Bidang ini adalah gabungan penggunaan teknologi nano dalam kejuruteraan elektronik. Peranti akustik yang dihasilkan kelak adalah mudah alih, praktikal dan mampu dimiliki oleh orang ramai.

Peranti akustik berkenaan peka kepada bunyi sayap nyamuk aedes betina dan akan digabungkan dengan sistem kawalan tanpa wayar yang akan menghantar maklumat ke pusat pengumpulan data utama sama ada di dalam rumah itu sendiri atau di pusat-pusat

kawalan nyamuk atau vektor yang berdekatan. Kedua-dua teknologi itu akan dibangunkan serentak. Kaedah ini dijangka dapat membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang tentunya tidak mampu untuk pergi dari sebuah rumah ke sebuah rumah dalam proses pemantauannya. Sehingga kini memang terdapat banyak pendekatan yang digunakan bagi mengawal populasi nyamuk aedes, termasuk kawalan secara biologikal, fizikal, kimia, pengurangan sumber pembiakan nyamuk dan pengurusan vektor yang bersepadu.

KKM memang telah melaksanakan pelbagai cara untuk mengawal wabak ini. Oleh kerana belum ada lagi vaksin yang boleh memulihkan pesakit denggi, cara terbaik adalah dengan mengawal tempat pembiakannya. Ia adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan kita mengharapkan peranti akustik yang dibangunkan ini dapat membantu

mengurangkan masalah denggi yang semakin meningkat. "kata Prof Uda. Sehingga Januari ini kes denggi seperti yang dilaporkan dalam laman web iDenggi masih terus meningkat dan mencapai lebih 2,600 kes dengan lapan kematian di seluruh negara. Tahun lepas sahaja angka kematian akibat kes denggi di seluruh negara meningkat 224 peratus. Mangsa yang terkorban akibat denggi direkodkan 199 orang berbanding 88 kematian pada 2013.

